




**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
IRSYAD AL-HUKMI**

**PERKARA: STATUS NASAB ANAK (MUHAMMAD SHAH RAIKAL BIN ABDULLAH)**

1. Jabatan ini telah meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pemohon (Muhammad Rashidi bin Abdul Rahman) dan mendapati bahawa;
  - i) Tarikh akad nikah pasangan Muhammad Rashidi bin Abdul Rahman (No. Kad Pengenalan: 980822-02-6565) dengan Nurul Syazwani binti Mahadi (No. Kad Pengenalan: 001002-08-0978) adalah pada **8 Ogos 2020 bersamaan 18 Zulhijjah 1441**.
  - ii) Tarikh kelahiran Muhammad Shah Raikal bin Abdullah (210218-07-0499) adalah pada **8 Disember 2020 bersamaan 22 Rabiul Akhir 1442**.
  - iii) Berdasarkan tarikh kelahiran Muhammad Shah Raikal, didapati bayi tersebut berada dalam kandungan ibunya hanya dalam tempoh **4 bulan 4 hari (berdasarkan taqwim hijri) sahaja** selepas berlangsung akad nikah pasangan berkenaan.
  - iv) Pasangan berkenaan turut **mengaku bahawa pernah melakukan hubungan kelamin sebelum berlangsung akad nikah yang sah**.
  - v) Berdasarkan berat timbangan bayi ketika kelahiran iaitu 2.29 kg menunjukkan tempoh kandungan yang normal.
2. Dalam isu ini, Jabatan ini merujuk keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pada 26 Julai 2020 mengenai "Anak tak sahtaraf" mengikut hukum Syarak iaitu;
  - i) Anak yang dilahirkan bukan daripada pernikahan yang sah sama ada akibat zina, rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan;
  - ii) Anak yang dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 saat (*lahzah*) *qamariah* dari waktu bersama (*imkan ad-dukhul*); dan

- iii) Anak yang dilahirkan lebih dari 6 bulan 2 saat (*lahzah*) *qamariah* dari waktu "*imkan ad-dukhu*", selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut adalah anak luar nikah melalui pengakuan (*iqrar*) mereka yang berkenaan (sama ada suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya).
3. Oleh yang demikian, berdasarkan butiran yang dilampirkan, Jabatan ini memutuskan bahawa **Muhammad Shah Raikal tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologinya iaitu Muhammad Rashidi bin Abdul Rahman kerana bayi tersebut adalah anak tak sahtaraf.** Wallahu a'lam,

Disahkan oleh;



**DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,**  
DPSS., DSDK., AMK., BCK.  
Mufti Negeri Kedah Darul Aman.  
**10 Mei 2023 bersamaan 19 Syawal 1444**